



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR.
HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

SEMPENA

PERSIDANGAN SERANTAU KEKELUARGAAN ISLAM 2023

21 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS) / 3.30 PETANG

AUDITORIUM IBNU SINA, MASJID PUTRA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

[SALUTASI AKAN DIKEMASKINI SEMASA ACARA]

1. Saya ingin memulakan ucapan pada pertemuan ini dengan mengajak hadirin semua untuk bersama-sama menekuni firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj ayat 41:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَعَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Maksud Ayat:

laitu mereka yang jika Kami berikan kekuasaan memerintah di bumi, nescaya mereka mendirikan solat, serta menunaikan zakat (sumbangan harta dan ekonomi) dan melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar, dan bagi Allah jualah keseluruhan segala urusan”

2. Alhamdulillah, marilah bersama-sama kita mengungkapkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya kita dapat kita bertemu dalam Persidangan Serantau Kekeluargaan Islam 2023 yang julung-julung kali diadakan.

3. Saya amat berbesar hati dan amat mengalu-alukan kedatangan dan penyertaan delegasi daripada negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Republik Singapura serta para pembentang dan peserta dari seluruh negeri di Malaysia.

4. Saya difahamkan seramai hampir 300 orang peserta yang hadir ke persidangan ini. Terima kasih dan Ahlan Wasahlan selamat datang kepada seluruh peserta termasuk sahabat-sahabat dari negara tetangga.

*Musafir jauh ke Kota Putrajaya,
Bawa misi mawaddah wa rahmah,
Usaha kita memperkasa keluarga,
Demi mencapai kesejahteraan ummah.*

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

(ULASAN TEMA : KESEJAHTERAAN UMMAH BERMULA DI SINI)

5. Persidangan Serantau Kekeluargaan Islam kali ini telah mengangkat tema “Kesejahteraan Ummah Bermula Di Sini” untuk dikupas serta dihayati bersama. Tema ini amat signifikan setelah mengambilkira suasana cabaran semasa dan akan datang yang mesti ditangani dengan bersama ecara berhikmah dan bijaksana.

6. Tentunya persidangan yang diadakan ini memberikan manfaat kepada umat Islam kerana skop perbincangan amat mengasak minda kita semua untuk berfikir mencari solusi demi kemaslahatan ummah. Apatah lagi, istilah ummah disebut sebanyak 64 kali dalam al-Quran menunjukkan betapa pentingnya kesejahteraan sesebuah ummah.

7. Kesejahteraan ummah itu sudah pasti akan bermula dari sebuah keluarga iaitu unit sosial terkecil yang akan membentuk sesebuah ummah. Untuk memastikan kita memiliki ciri-ciri khaira ummah, sudah pastilah kita mesti membentuk acuan sebuah keluarga soleh yang berpegang teguh kepada nilai-nilai agama.

8. Apabila dirujuk kepada peruntukan dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (1948), dapatlah difahami bahawa institusi keluarga adalah satu komponen terpenting dalam masyarakat. Sehubungan itu, adalah wajar institusi keluarga diberi perlindungan, diperkukuh, diperkaya dan diperkasakan dari semasa ke semasa demi mencapai kesejahteraan ummah.

9. Setiap daripada kita yang berkeluarga sudah pastinya mengharapkan sebuah keluarga yang sejahtera kerana ia memberi ketenangan kepada setiap individu seterusnya memberi kesan yang baik dalam kehidupan terutamanya dari segi emosi dan mental.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,
(CABARAN MEMBENTU KELUARGA YANG SEJAHTERA)**

10. Perbendaharaan Al-Quran begitu kaya dengan pedoman Rabbani untuk membentuk sesebuah perkahwinan dan keluarga yang sejahtera. Sepertimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Rum ayat 21:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksud Ayat:

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

11. Ayat ini telah memberikan jawapan kepada apakah tujuan dan matlamat sebuah keluarga itu mula terbentuk melalui perkahwinan suami dan isteri. Mencapai sakinah, mawaddah dan rahmah itulah tujuan sesebuah perkahwinan dan keluarga. Untuk mencapai perkara ini, ia memerlukan ilmu serta iman yang memandu sesebuah keluarga.

12. Maka adalah mustahak kepada kita semua untuk membangunkan sesebuah keluarga bahagia berteraskan iman dan akhlak. Suami dan isteri perlu dididik untuk menghayati agama khususnya memelihara solat fardhu. Ia pasti akan membentuk anak-anak yang terpandu akhlak serta perilakunya oleh kerana ibu dan ayahnya telah membentuk suasana menghayati agama dalam keluarga.

13. Makanya adalah mustahak kita kembali kepada asas agama iaitu solat. Inilah formula Rabbani yang diberikan oleh Maha Pencipta. Sekiranya solat yang didirikan itu penuh khusyuk, ia pasti membekas dan membimbing kita menjadi insan yang bertaqwa.

14. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ankabut ayat 45:

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا

تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Maksud Ayat:

Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingat Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

15. Seorang ayah yang bersolat dan bertaqwa akan memimpin keluarga dengan penuh kasih sayang. Seorang ibu yang bertaqwa, pasti akan berkhidmat sepenuh hati kepada suami dan anak-anak. Seorang ayah yang menjiwai solat, pasti akan menolak rasuah dan salahguna kuasa kerana dia memahami akan kepentingan mencari rezeki yang berkat. Solat mengingatkan diri kita tentang jiwa hamba.

Hadirin sekalian,

16. Pandemik Covid-19 yang melanda dunia pada tahun 2020 telah memberi kesan yang dahsyat kepada dunia sehingga mengubah lanskap kehidupan penduduknya. Pandemik Covid-19 telah meragut kestabilan ekonomi dan kesejahteraan kehidupan manusia. Data daripada *World Health Organisation* (WHO) berkaitan kesihatan mental semasa pandemik menunjukkan berlakunya peningkatan kes-kes depresi dan bunuh diri dalam kalangan penduduk dunia.

17. Sementara fasa endemik pula melihat dunia, termasuklah negara serantau, masing-masing bergelut untuk memulihkan ekonomi negara. Dalam masa yang sama isu-isu sosial, kekeluargaan dan kesihatan mental perlu ditangani dan diberi perhatian sewajarnya.

18. Para ibu bapa sebagai teraju utama dalam mengemudi sesebuah keluarga hendaklah menambah ilmu pengetahuan dan sentiasa peka dengan keadaan persekitaran dan cabaran semasa. Ini penting bagi menghadapi arus pemodenan dan dunia tanpa sempadan dalam membina akhlak Islamiah serta nilai akhlak dan kemanusiaan dalam diri anak-anak.

19. Oleh yang demikian, Persidangan Serantau ini amat penting sebagai wahana diskusi serta perkongsian pengalaman di setiap negara dalam menangani isu-isu kekeluargaan dan kemasyarakatan. Semua negara dapat belajar dari pengalaman negara-negara tetangga khususnya kami negara Malaysia dapat belajar daripada pengalaman sahabat-sahabat dari negara Brunei Darussalam, Singapura dan Indonesia.

20. Program-program yang bersifat mendidik, menarik serta interaktif perlu diperbanyakkan sebagai langkah pengukuhan dan pemantapan institusi keluarga bagi melahirkan generasi yang berkualiti. Tentunya program tersebut tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya tiada persefahaman serta kerjasama strategik daripada pelbagai pihak.

21. Sehubungan itu, penganjuran persidangan seumpama ini dilihat sebagai salah satu usaha yang amat baik bagi kita mencari kaedah terbaik serta memperjelaskan isu-isu tertentu berkaitan kekeluargaan termasuk cabaran dalam pendidikan anak-anak yang memerlukan jalan penyelesaian yang bersepadu lagi tuntas.

Hadirin yang dihormati sekalian,

(KE ARAH MELAHIRKAN MASYARAKAT MADANI)

22. Sebagai makluman bersama, Kerajaan Perpaduan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim amat komited membentuk masyarakat madani dengan pelaksanaan agenda Membangun Malaysia Madani.

23. Untuk membentuk masyarakat madani, ia sudah tentu bermula dengan agenda memperkasa aspek kekeluargaan.

24. Di peringkat Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), saya telah mengemukakan Pelan Transformasi al-Falah yang bertujuan untuk menjayakan agenda pembaharuan pengurusan hal ehwal Islam yang menyentuh penambahbaikan dalam program-program kekeluargaan dan komuniti.

25. Dalam konteks Persidangan Serantau Kekeluargaan Islam hari ini, ia menterjemahkan kerjasama umat Islam di peringkat serantau bagi mengukuhkan perpaduan ummah selain masing-masing bergabung idea, fikrah dan pengalaman serta berkongsi pendekatan masing-masing yang boleh diterima dan diolah mengikut kesesuaian setempat dalam memperkasakan institusi kekeluargaan Islam.

26. Saya amat berharap kerjasama di peringkat negara MABIMS ini diteruskan pada masa-masa akan datang memandangkan persidangan ini merupakan satu platform terbaik bagi mencari solusi dalam menangani isu-isu kekeluargaan secara kolaboratif dan komprehensif.

Hadirin dan hadirat sekalian,

(PENGHARGAAN KEPADA PENGANJUR)

27. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada JAKIM kerana telah berjaya merealisasikan Persidangan Serantau Kekeluargaan Islam 2023.

28. Harapan saya, agar para peserta mendapat input dan manfaat daripada persidangan ini dan seterusnya mengadaptasi ilmu tersebut mengikut bidang dan peranan masing-masing dalam rangka memperkasa institusi kekeluargaan.

29. Akhir bicara, dengan lafaz ***Bismillah ar-Rahman ar-Rahim*** saya merasmikan Persidangan Serantau Kekeluargaan Islam 2023.

Sekian, Wassalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh.